



KEMENTERIAN  
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

## SIARAN MEDIA

### TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

#### BELANJAWAN 2023: MEMBANGUN MALAYSIA MADANI

---

1. Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) menyambut baik pembentangan Belanjawan 2023: Membangun Malaysia Madani. Belanjawan 2023 merupakan belanjawan yang terangkum memberi penekanan kepada keperluan setiap lapisan masyarakat termasuk penduduk desa.
2. Belanjawan 2023 juga akan dapat membantu negara termasuk kawasan luar bandar melalui 12 ikhtiar utama berlandaskan 3 tekad bagi mendepani ekonomi global yang mencabar tatkala negara masih lagi bergelut dengan sumber yang terhad dan pelaburan yang masih belum mencapai prestasi pra-pandemik.
3. KKDW turut menyokong usaha yang dilaksanakan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia menerusi Belanjawan 2023 yang memberi penekanan kepada aspek keterangkuman, kemampunan dan keadilan sosial yang akan turut memanfaatkan **8.1 juta penduduk desa**. Pendekatan dalam Belanjawan 2023 boleh melegakan tekanan yang sedang dihadapi rakyat berikutan kenaikan kos sara hidup, pendapatan yang terhad dan bencana alam seperti banjir.
4. Belanjawan 2023 juga akan membantu KKDW dalam melaksanakan kerangka Malaysia Madani yang telah meletakkan pembangunan desa sebagai salah satu imperatifnya berdasarkan 6 rukun yang digariskan

iaitu Kemampanan, Kesejateraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan dan Ihsan.

5. KKDW merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri di atas peruntukan **berjumlah RM11.04 bilion kepada KKDW**. Jumlah ini **meliputi RM3.62 bilion peruntukan mengurus** dan juga **RM7.42 bilion peruntukan pembangunan**. Jumlah ini adalah **RM510 juta atau 4.85% lebih tinggi daripada peruntukan 2022**. Jumlah ini menunjukkan komitmen tinggi dan berterusan Kerajaan dalam melaksanakan agenda pembangunan luar bandar.
6. Menerusi peruntukan ini, lebih banyak projek pembangunan dapat dilaksanakan di desa termasuk di kawasan pedalaman bukan sahaja dari segi infrastruktur tetapi juga dari segi ekonomi, sahsiah, spiritual dan modal insan. Ini seterusnya dapat menyokong pembangunan sosio-ekonomi serta mewujudkan persekitaran kehidupan luar bandar yang sejahtera dan makmur seperti mana yang digariskan dalam **Dasar Pembangunan Luar Bandar 2030**.
7. Di bawah peruntukan pembangunan, sejumlah **RM2.48 bilion** bagi pembangunan **infrastruktur asas di luar bandar termasuk RM1.5 billion untuk Jalan Luar Bandar dan Jalan Perhubungan Desa**. Jumlah ini adalah **RM40 juta atau 1.6% lebih tinggi** jika dibandingkan dengan peruntukan tahun 2022. Selain daripada itu, **RM140.83 juta** diperuntukkan untuk kos operasi dan penyelenggaraan lampu jalan kampung dan kos penyelenggaraan bekalan elektrik alternatif.
8. Dalam usaha untuk meningkatkan kemajuan dan potensi ekonomi desa, sebanyak **RM90.81 juta telah diperuntukkan untuk aktiviti ekonomi luar bandar**. Ini adalah termasuk program pembangunan ekonomi komuniti dan program keusahawanan termasuk dari segi pendigitalan perniagaan.

9. Manakala sebanyak **RM37.8 juta** telah diperuntukkan untuk menaik taraf serta menambah baik premis dan kemudahan perniagaan termasuk di bawah MARA.
10. KKDW turut menerima peruntukan sebanyak **RM485.2 juta** untuk **Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat** yang meliputi peruntukan untuk Program Perumahan Rakyat Termiskin, Program Peningkatan Pendapatan, Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya serta Program Komuniti Sejahtera. Jumlah ini merupakan peningkatan **RM101.1 juta atau 26.3%** berbanding peruntukan tahun 2022.
11. KKDW amat mengalu-alukan **peruntukan bagi memperkasakan agenda pembangunan Bumiputera khususnya dalam bidang pendidikan, ekonomi dan keusahawanan**, yang turut memberi manfaat kepada masyarakat desa termasuk golongan belia dan wanita. Untuk tahun 2023, sebanyak **RM2.03 bilion telah diperuntukkan untuk Program Penajaan Pendidikan MARA** yang dapat membantu pelajar-pelajar Bumiputera melanjutkan pelajaran dalam bidang-bidang berimpak tinggi seperti Kejuruteraan dan Alam Sekitar, Perakaunan dan Kewangan serta Keterjaminan Makanan.
12. KKDW juga menyambut baik peruntukan **RM6.7 billion** untuk program TVET yang turut meliputi **280 institusi TVET** di bawah KKDW. KKDW juga menghargai saranan supaya **90% graduan TVET menerima gaji lebih RM2,000** yang dijangka akan turut **memberi manfaat kepada kira-kira 59,000 pelajar** TVET di bawah KKDW.
13. Dalam masa yang sama, selaras dengan konsep keterangkuman dan memastikan tiada golongan yang terpinggir, sebanyak **RM247.9 juta** diperuntukkan untuk meningkatkan **taraf hidup masyarakat Orang Asli**. Peruntukan ini adalah termasuk bagi pembinaan infrastruktur, program pembangunan ekonomi dan pendidikan untuk memperkasa masyarakat Orang Asli. Peruntukan ini juga adalah sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk memastikan sekurang-kurangnya 300 orang

pelajar akan melanjutkan pelajaran ke IPTA dengan menerima bantuan dari JAKOA.

14. Selain itu, sebanyak **RM676.4 juta** diperuntukkan untuk **Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)** untuk kesejahteraan pekebun kecil getah. Ini adalah termasuk untuk aktiviti tanam semula getah, Skim Insentif Produktiviti Getah dan program Aktiviti Ekonomi Tambahan dan pembangunan usahawan pekebun kecil yang bertujuan untuk membantu pekebun kecil getah menjana pendapatan sampingan. Peruntukan ini turut meliputi **RM256 juta** bagi Bantuan Musim Tengkujuh yang kadarnya telah dinaikkan daripada **RM600 kepada RM800** untuk tempoh empat bulan, yang akan memberi manfaat kepada **320,000 pekebun kecil**.
15. Dalam masa yang sama, pendapatan minimum penoreh getah dapat dipertingkatkan melalui kenaikan **Paras Harga Pengaktifan Insentif Pengeluaran Getah** daripada **RM2.50 kepada RM2.70** yang melibatkan peruntukan **RM350 juta**.
16. Manakala **FELCRA** pula menerima peruntukan sebanyak **RM369.74 juta** yang memberi manfaat kepada pekebun-pekebun kecil di bawah agensi berkenaan. Selain itu, peruntukan ini juga adalah untuk membangunkan tanah-tanah terbiar untuk projek tanaman makanan bagi meningkatkan keterjaminan makanan negara.
17. KKDW juga memberi penekanan untuk pendidikan awal kanak-kanak terutamanya di kawasan luar bandar. Dalam hal ini, sebanyak **RM204.1 juta** untuk **TABIKA dan TASKA KEMAS** pada tahun 2023. Selain itu, pembinaan **80 buah TASKA dan TABIKA KEMAS** akan diteruskan termasuk 13 projek baharu untuk memberi pendidikan awal kepada kanak-kanak daripada umur 2 hingga 6 tahun.
18. KKDW akan memastikan peruntukan **RM11 billion** yang diterima pada tahun ini akan dimanfaatkan dan digunakan untuk pemugaran desa dan memperkasa penduduk desa dalam mendepani cabaran globalisasi.

KKDW juga akan melaksanakan pemantauan berkala bagi program-program utama melalui *Dashboard* KKDW bagi memastikan peruntukan ini dirasai oleh penduduk desa.

-Tamat-

**YAB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi**

Timbalan Perdana Menteri dan  
Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah